

22 MAY 1996

Mahathir-Peniaga

MAHATHIR BANGGA KEJAYAAN PENIAGA BUMIPUTERA

Oleh: Salmy Hashim

WASHINGTON, 22 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau begitu bangga dengan kejayaan peniaga Bumiputera dan kemampuan mereka untuk menguasai pertubuhan industri dan korporat yang membawa keuntungan ribuan juta ringgit.

Dalam dialognya dengan para pelajar Malaysia di sini, beliau memberi contoh usahawan Melayu seperti Tan Sri Tajudin Ramli yang menguasai 30 peratus MAS dengan harga RM1,800 juta dan seorang lagi usahawan Melayu yang mendapat kepercayaan sebuah bank di Switzerland yang memberi pinjaman sebanyak RM1,700 juta untuk membeli 32 peratus HICOM.

"Kalau dulu mesyuarat PBEC (Majlis Ekonomi Lembangan Pasifik) diwakili oleh syarikat-syarikat Cina dari Malaysia, kini ramai eksekutif terkenal yang hadir dari Malaysia terdiri daripada orang Melayu," katanya kepada kira-kira 200 pelajar Malaysia yang menuntut di universiti di Washington, Philadelphia, Connecticut dan New York.

Selain daripada bertemu Presiden Bill Clinton, Dr. Mahathir hari ini menyampaikan sebuah ucapan yang merangsang pemikiran mengenai "Debat Nilai-Nilai Asia" yang mendapat sambutan yang begitu hangat daripada anggota PBEC yang mewakili 1,200 syarikat dari 19 ekonomi di dunia.

Eksekutif Melayu yang hadir pada mesyuarat PBEC itu termasuk Tan Sri Azman Hashim, Pengerusi Arab-Malaysian Merchant Bank; Tan Sri Shamsuddin Abdul Kadir, Pengerusi Eksekutif Sapura Holdings; Tan Sri Tajudin Ramli, Pengerusi Malaysia Airlines dan Technology Resources Industries Bhd; dan Tan Sri Halim Saad, Pengerusi Eksekutif Renong Bhd.

Dr. Mahathir dalam memberi semangat kepada pelajar, berkata mereka perlu berusaha bersungguh-sungguh dan "kalau ada ketekunan dan keinginan untuk berusaha dalam bidang perniagaan, insya-Allah satu masa nanti saudara-saudari boleh dapat menguasai atau mengurus bank atau korporat yang membawa keuntungan ribuan juta ringgit."

Katanya lagi, banyak syarikat dan bank dengan keuntungan ribuan juta ringgit diurus oleh orang Melayu seperti Maybank yang mempunyai keuntungan lebih RM1,000 juta setahun; Telekom hampir RM2,000 juta; dan Sime Darby dengan keuntungan lebih RM1,000 juta setahun.

"Orang Melayu mampu -- memang makan masa tetapi saya mempunyai kepercayaan dengan kebolehan mereka," katanya.

Di samping itu, syarikat-syarikat Melayu yang berjaya juga kini telah keluar negara dan melabur di Argentina, Chile, Czechoslovakia, China, Kemboja dan Tanzania.

Beliau juga menegaskan kepada para pelajar akan pentingnya memupuk hubungan baik antara kaum kerana sekiranya hubungan antara kaum tidak baik, peristiwa seperti yang berlaku pada Mei 1969 mungkin tercetus dan akibatnya pertumbuhan negara yang kini pesat akan terjejas dan peluang pekerjaan dan peluang untuk belajar di dalam atau di luar negara akan hapus.

Ketika menjawab soalan mengenai UMNO pula, beliau berkata UMNO bukan hanya milik beliau atau Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim ataupun Ketua Wanita Datuk Seri Rafidah Aziz kerana UMNO ialah untuk semua orang Melayu.

Sekiranya Tengku Razaleigh Hamzah (Presiden Parti Melayu Semangat 46) dan Datuk Rais Yatim (Timbalan Presiden S46) ingin masuk UMNO, "kita terima," kata beliau.

"Saya tak simpan di hati kerana orang yang mengecam saya satu ketika dulu telah diterima masuk UMNO dan kini ada di antara mereka yang memegang

jawatan kabinet" katanya.

Malah, Datuk Haji Nik Abdul Aziz, (Menteri Besar Kelantan dan Mursyid Am PAS) pun boleh masuk UMNO supaya semua orang Melayu bersatu di bawah satu parti sahaja, kata beliau.

Dr. Mahathir berlepas ke London malam ini dan dijangka menemui Perdana Menteri Britain, John Major, esok dan tiba di tanah air pada 24 Mei. --

BERNAMA

SH NMO